



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI

Khamis, November 24, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

**BERITA »**

### UPM beri petrol percuma kepada warga UPM



Oleh: Muhamad Farid Fazil dan Hazmi Azizi Abdul Rasid

**SERDANG** - Sahabat Masjid Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Pengurusan Wakaf, Zakat & Endowmen (WAZAN) UPM bersama Putra Bakti UPM mengadakan program pemberian petrol percuma untuk warga UPM yang menaiki motosikal, baru-baru ini.

Pengarah WAZAN UPM, Dr. Razali Othman berkata sumbangan itu adalah hasil daripada derma orang ramai serta masjid UPM dalam usaha meringankan beban pelajar dan warga UPM.

"Sumbangan orang ramai ini kita berikan semula kepada masyarakat dalam bentuk petrol percuma untuk dalam membantu mereka," katanya.

Beliau berkata, modal yang diperuntukkan untuk program petrol percuma itu adalah RM1,500 untuk RON95 dan dianggarkan untuk diterima oleh 350 orang warga UPM yang menaiki motosikal bawah 110cc.

"Saya berharap orang ramai datang ke WAZAN untuk berwakaf dan bersedekah bagi membantu golongan yang memerlukan seperti program yang dijalankan ini," katanya.



Sementara itu, 200 penunggang motosikal yang terdiri daripada pelajar UPM beratur panjang seawal jam 9 pagi di stesen minyak Petronas di UPM untuk petrol percuma.

Pelajar UPM, Noor Asmawe Mohamed Isa, 22, mengambil peluang mengisi petrol percuma itu yang sedikit sebanyak membantu menampung perbelanjaannya.

"Hujung semester sebegini, biasanya duit perbelanjaan kami makin berkurangan, saya berterima kasih kepada UPM menyediakan program petrol percuma untuk pelajar," katanya yang berharap program seperti itu dapat diteruskan pada masa depan untuk membantu pelajar. - UPM

